Angka Giliran:................. No. Tempat Duduk:...........

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1986/87

LPT 202 - Mengkritik dan Menyunting Terjemahan

Tarikh: 6 April 1987 Masa: 9.00 pagi - 12.00 tgh.
(3 jam)

ARAHAN:

1. Sebelum anda memulakan peperiksaan, sila pastikan soalan ini mengandungi 16 muka surat termasuk lampiran.

2. Jawab semua soalan. Bagi soalan 2, 3 dan 4, jawapan anda mestilah ditulis di dalam kertas soalan ini di dalam ruang yang disediakan.

3. Hantar semua teks asal bersama-sama kertas ini.

---

1. Sebagai seorang penyunting kerja-kerja terjemahan, cuba berikan nasihat-nasihat anda kepada penterjemah-penterjemah supaya terhasil terjemahan yang baik dan supaya kerja penyuntingan menjadi lebih ringan.

(20 markah)

2. Berpandukan Teks A di dalam LAMPIRAN, sunting dengan pensel sahaja teks terjemahan yang bertulis tangan. Jika anda ada komen dan catatan, sila gunakan ruang yang mengikuti terjemahan tersebut.

TERJEMAHAN TEKS A: (40 markah)

...2/-

Angka Giliran:................ No. Tempat Duduk:............

Tugas Baru Dalam
Bidang Antropologi
Moden

Perlunya Antropologi Gunaan

Perubahan Budaya ialah proses dengan mana susunan masyarakat yang wujud, iaitu peradaban kemasyarakatan, kerohanian dan peradaban kebendaan bertukar menjadi satu susunan masyarakat yang lain. Dengan itu, perubahan budaya meliputi lebih kurang proses perubahan yang pesat dalam perlembagaan politik sesuatu masyarakat; dalam bidang institusi dalam negeri dan cara penetapan sempadan wilayah; kepercayaan masyarakat dan sistem ilmu pengetahuan; bidang pendidikan dan undang-undang; dan juga alat kebendaan dan penggunaannya dan penggunaan barang yang menjadi dasar ekonomi masyarakat itu. Dalam pengertian istilah yang seluasnya, perubahan budaya berlaku di mana-mana sahaja dan berlaku setiap masa. Perubahan budaya mungkin didorongkan oleh faktor dan kuasa serentak yang timbul di kalangan masyarakat atau perubahan budaya mungkin berlaku menerusi perhubungan dengan budaya yang berlainan. Dengan cara yang pertama itu, perubahan budaya meru-

Angka Giliran:................. No. Tempat Duduk:...........

-pakan evolusi bebas; dengan cara yang kedua perubahan budaya ialah proses yang dalam kajian antropologi biasanya di-namakan difusi.

Walau bagaimanapun perubahan budaya yang berlainan itu sekarang merupakan satu proses yang cepat dan besar yang tidak pernah terjadi dalam sejarah manusia. Rekaan teknik, perkembangan perusahaan dan perkembangan kewangan dan perdagangan telah mempercepatkan evolusi dalam peradaban Barat, dan memberikan Dunia Barat keunggulan dalam bidang kebendaan yang luas akibatnya. Akan tetapi, kemajuan mekanikal tidak sebanding dengan kawalan ke atas keadaan masyarakat dan budaya spiritual. Dunia Barat berpecah oleh kerana peperangan dan oleh kerana bahaya peperangan baru akan berlaku; berpecah oleh sebab perjuangan hebat untuk menegakkan prinsip politik dan kerana kebanyakan negeri tidak berupaya untuk mengatasi setengah daripada masalah ekonomi yang paling genting. Masalah yang setakat ini belum dapat diatasi mengenai ekonomi dunia dan politik, undang-undang antarabangsa dan reaksi kebangsaan ialah satu peringkat perubahan budaya. Tetapi ahli



...4/-

Angka Giliran:................. No. Tempat Duduk:............

antropologi bukanlah dikehendaki membincangkan masalah ini dengan semangat memisahkan diri daripada penyelidikan dan tanpa menggunakan celek akal saintifik yang mungkin bernilai kepada generasi yang akan datang. Buat waktu ini, ahli antropologi mungkin dibenarkan mengesyorkan bahawa setengah kesimpulan yang sah dan berguna yang merujuk kepada orang primitif mungkin juga digunakan dengan jayanya kepada masyarakat kita sendiri. Ahli antropologi boleh juga memikirkan hakikat bahawa evolusi dan difusi ialah proses yang bukannya berbeza benar sebagaimana kelihatan pada mulanya. Perubahan budaya di Afrika tidaklah berbeza benar daripada perubahan budaya yang sekarang ini sedang menukarkan cara hidup luar bandar dan negeri yang mundur di Eropah, iaitu masyarakat golongan petani yang hidup dengan mengamalkan sistem ekonomi asli yang sudah lama digunakan, dan susunan masyarakat yang mengutamakan budaya temurun dan kekeluargaan, menjadi satu jenis masyarakat yang baru yang rapat persamaannya dengan proletariat yang didapati di daerah perusahaan di Amerika Syarikat, England atau Perancis.

Angka Giliran:............... No. Tempat Duduk:...........

Tetapi oleh kerana beberapa sebab, adalah lebih mudah dan lebih berfaedah untuk mengkaji proses difusi yang bersifat berasingan dalam bidang yang boleh dilakukan secara terpisah. Persoalannya juga lebih mudah dan terkawal secara langsung di bawah agen perubahan. Juga lebih baik dipilih sesuatu bidang yang luas dan tertentu untuk kajian kita dan bidang yang mana penyelidikan mengenai perubahan budaya telah pun dijalankan beberapa tahun yang lalu. Pada masa-masa kebelakangan ini, beberapa kajian telah pun dilakukan di Afrika mengenai pergerakan yang luas yang sedang berlaku iaitu perubahan daripada keadaan primitif ke arah pembaratan separuh bagi bumiputera.

Ahli antropologi semakin bertambah sedar bahawa kajian mengenai perubahan budaya mestilah menjadi satu daripada tugas utamanya dalam kajian luar dan teori. Cerita rekaan bumiputera

Angka Giliran:.................. No. Tempat Duduk:..........

yang belum terpengaruh dengan perubahan budaya tidak boleh dimasukkan dalam kajian luar dan kajian. Ini adalah kerana bumiputera " yang tidak terpengaruh dengan budaya " tidak terdapat di mana-mana. Ahli sains terpaksa mengkaji apa yang terjadi dan bukannya apa yang mungkin berlaku. Kalau kecenderungan utama ahli antropologi ialah pembinaan semula sejarah mengenai kehidupan suku bangsa, dia masih perlu mengkaji keadaan atau cara hidup bumiputera Afrika yang didapati sekarang, yang terpengaruh dengan budaya Barat.

Angka Giliran:.............. No. Tempat Duduk:.............

...8/-

Angka Giliran:................ No. Tempat Duduk:............

Angka Giliran:............... No. Tempat Duduk:...........

3. Berpandukan kepada Teks B di dalam LAMPIRAN, sila sunting dan komen pada tempat-tempat yang berkaitan terutamanya tentang kesesuaian kepadanan, terjemahan kurang atau melampau serta keberkesanan mesej.
(20 markah)

TERJEMAHAN TEKS B:

PENYAKIT-PENYAKIT BERJANGKIT

DEFINISI

Sungguhpun istilah 'penyakit berjangkit' secara logiknya mungkin dihubungkan kepada sebarang penyakit yang dihasilkan dari serangan mikroorganisma pada tubuh badan, kegunaannya sering dihadkan kepada penyakit-penyakit yang merebak melalui sentuhan secara langsung dari satu pesakit kepada pesakit yang lain. Jadi, bab ini tertumpu khusunya kepada penyakit-penyakit tersebut, di mana baginya, perasingan atau rawatan terasing' diperlukan untuk mengecah pemerebakan jangkitan.

JANGKITAN DAN KEIMUNAN

Hasil dari sebarang jangkitan, sebahagiannya bergantung kepada kevirulenan dan jumlah organisma-organisma yang mengancam dan sebahagiannya lagi kepada keadaan pertahanan pesakit terhadapnya. Keadaan pertahanan pesakit pula bergantung sebahagiannya kepada keimunan semulajadinya dan sebahagiannya lagi kepada keimunan perolehan. Keimunan semulajadi mungkin buruk atau baik berdasarkan kepada bangsa dan baka seseorang itu dan mungkin dapat direndahkan oleh faktor-faktor seperti malnutrisi, kekhuatiran dan pekerjaan yang berlebihan. Keimunan perolehan pula adalah hasil dari jangkitan yang lampau atau inokulasi profilaktik dengan organisma yang tertentu. Inokulasi-inokulasi seperti ini, yang diberi untuk merangsang penghasilan antibodi-antibodi merupakan pengimunan aktif, dan adalah digunakan dengan luasnya untuk mencegah penyakit-penyakit seperti smallpox, difteria, tetanus, demam enterik dan poliomielitis.

....10/-

Angka Giliran:................ No. Tempat Duduk:...........

Pengimunan pasif membawa erti memberi perlindungan sementara terhadap sesuatu penyakit melalui penyuntikan serum yang mengandungi antibodi-antibodi tertentu; serum seperi ini diperolehi daripada manusia yang telah sembuh dari penyakit tersebut atau dari kuda-kuda yang telah mengalami pengimunan secara aktif untuk tujuan ini.

Komen:

..11/-

Angka Giliran:............... No. Tempat Duduk:............

...12/-

Angka Giliran:................ No. Tempat Duduk:............

4. Bandingkan versi bahasa sumber di dalam teks yang diberikan di sini dengan versi terjemahannya. Betulkan terjemahan tersebut jika perlu. (Tidak perlu diberikan apa-apa komen).

(20 markah)

a. In the all-important world of family relation, three other words are almost as powerful as the famous "I love you". They are, "Maybe you're right".

- Oren Arnold, The Kiwanis Magazine.

Yang terpenting dalam dunia perhubungan kekeluargaan ialah rangkai kata yang hampir setanding kekuatan popularitinya dengan kata-kata yang masyhur seperti "Aku cintakan kau". Rangkai kata itu ialah, "Mungkin awak bercakap benar".

b. A genius is one who shoots at something no one else can see, and hits it.

- The Lutheran Digest.

Orang yang bistari adalah seseorang yang menuju sasaran yang tidak dinampak oleh orang lain, dan menepatinya.

...13/-

Angka Giliran:................ No. Tempat Duduk:...........

c. Man is a gregarious animal, and much more so in his mind than in his body. He may like to go alone for a walk, but he hates to stand alone in his opinions.

- George Santayana.

Manusia itu binatang yang suka berteman, terutamanya apabila dia berfikir. Dia mungkin suka bersiar-siar bersendirian, tetapi dia benci jika bersendirian dengan pendapatnya.

d. One of the most honest autobiographical sketches I have ever read concluded with the statement: "My main interestes are talking and thinking - in the order named".

- Sydney J. Harris.

Satu daripada uraian ringkas riwayat hidup yang paling jujur yang pernah saya baca berakhir dengan ayat: "Kesukaan ku yang terutama ialah bercakap dan berfikir ... mengikut keutamaan yang disebutkan".

e. A woman with true charm is one who can make a youth feel mature, an old man youthful, and a middle-aged man completely sure of himself.

- Bob Talbert.

Wanita yang mempunyai daya penarik yang sejati boleh membuat anak muda merasa dewasa, orang tua merasa muda dan lelaki separuh umur merasa sungguh yakin dengan dirinya.

...14/-

Angka Giliran:................ No. Tempat Duduk:...........

TEXT A:

## THE NEW TASKS OF MODERN ANTHROPOLOGY

### *The Need for an Applied Anthropology*

*Culture change* is the process by which the existing order of a society, that is, its social, spiritual, and material civilization, is transformed from one type into another. Culture change thus covers the more or less rapid processes of modification in the political constitution of a society; in its domestic institutions and its modes of territorial settlement; in its beliefs and systems of knowledge; in its education and law; as well as in its material tools and their use, and the consumption of goods on which its social economy is based. In the widest sense of the term, culture change is a permanent factor of human civilization; it goes on everywhere and at all times. It may be induced by factors and forces spontaneously arising within the community, or it may take place through the contact of different cultures. In the first instance it takes the form of *independent evolution;* in the second it constitutes that process which in anthropology is usually called *diffusion.*

Just now, however, culture change has assumed in both its variants a rapidity and magnitude unprecedented in human history. The technical inventions, the developments of industrial enterprise and of financial and mercantile organization have speeded up evolution in the Western world, giving it a far-reaching mastery of the material environment. Mechanical progress, however, has not been paralleled by a corresponding control of social conditions and spiritual culture. The Western world is divided by war and by the danger of new wars; by an acute strife in political principle and by the inability in most countries to cope with some of the most urgent economic difficulties. The so-far insoluble problems of world economics and politics, of international law and nationalist reaction, are a phase of culture change. But the anthropologist has not been called upon to deal with these questions in the spirit of detached research and scientific insight which might perhaps be of value to future generations. He may be allowed for the moment to indicate that some conclusions, valid and valuable with reference to primitive peoples, might also be successfully applied to our own societies. The anthropologist could also usefully reflect on the fact that evolution and diffusion are processes not so different as they appear at first sight. Culture change in Africa does not differ profoundly from that which is at present transforming the rural and backward countries of Europe from peasant communities, living by indigenous age-long economic systems, by folklore and kinship organization, into a new type closely akin to the proletariat found in the industrial districts of the United States, England, or France.

Angka Giliran:.................. No. Tempat Duduk:..........

But for many reasons it is simpler and more profitable to study the processes of diffusion in a field which, being more remote, can be worked upon with greater detachment, and where the questions are at the same time simpler and under the more direct control of the agents of change. It is also best to select a wide but well-defined area for our study, and one on which a body of research on culture change has already been in progress for the last few years. In Africa we have had of late a number of studies on the broad movement which is taking place as from tribal conditions toward the partial westernization of the Natives.[1]

The anthropologist is becoming increasingly aware that the study of culture change must become one of his main tasks in field work and theory. The figment of the "uncontaminated" Native has to be dropped from research in field and study. The cogent reason for this is that the "uncontaminated" Native does not exist anywhere. The man of science has to study what is, and not what might have been. When his main interest lies in the reconstruction of the tribal past, he still has to study the Native as he is now, affected by Western influences.

Daripada: Bronislaw Malinowski
<u>The Dynamics of Culture Change</u>, London: Yale University Press, 1968, m.s. 1 - 3.

Angka Giliran:................ No. Tempat Duduk:...........

TEXT B:

# INFECTIOUS DISEASES

## DEFINITION

Although the term 'infectious disease' might logically be applied to any illness which results from invasion of the body by a micro-organism, its use is customarily restricted to those diseases which spread by direct contact from patient to patient. This chapter therefore deals mainly with those diseases for which isolation or 'barrier nursing' is required to prevent spread of infection.

## INFECTION AND IMMUNITY

The result of any infection depends partly on the virulence and numbers of the invading organisms and partly on the state of the patient's defences against them. The state of his defences depends partly on his *natural immunity*, which may be good or bad according to his race and heredity and may have been reduced by such factors as malnutrition, worry, and overwork, and partly on *acquired immunity* resulting from previous infection or prophylactic inoculation with this particular organism. Such inoculations given to stimulate the formation of antibodies constitute *active immunisation*, and are widely used in the prevention of such diseases as smallpox, diphtheria, tetanus, enteric fever, and poliomyelitis. *Passive immunisation* means conferring temporary protection against a disease by injecting serum containing the specific antibodies; such serum is obtained from humans who have recovered from the disease or from horses actively immunised for this purpose.

Daripada: Houston J.C., Joiner C.L. and Trounce J.R., A short Textbook of Medicine, London: HOdder & Stoughton, 1982, m.s. 527.

ooOoo